

'Lawatan ke Arab boleh tanya PM di Dewan Rakyat'

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Banyak kejayaan dicapai hasil lawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Arab Saudi minggu lalu berbanding isu remeh yang sengaja dimainkan Perikatan Nasional (PN).

Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-Kom), Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff berkata, isu lawatan Perdana Menteri itu digambarkan pembangkang sebagai membazir duit dan makan angin.

Menurut beliau, pendapat itu mungkin perbezaan pandangan atau dendam politik gabungan pembangkang apabila membuat kesimpulan Anwar gagal hanya kerana tidak bertemu Raja Arab Saudi, Raja

Salman Abdulaziz dan Perdana Menteri, Putera Mahkota Mohammed Salman.

"Daripada hujah-hujah pembangkang, tiada hujah lain lebih substantif yang sengaja dimainkan PN berbanding hasil pertemuan berkenaan sedangkan banyak kejayaan dirintis ketika lawatan tiga hari Anwar ke Arab Saudi," kata beliau.

Kata Agus, antara kejayaan tersebut ialah pemetaraan tiga Memorandum Persefahaman (MOU) antara Dagang Nexchange Bhd. dan Ajlan & Bros Holding Group Co; Dewan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur dan Wadi Makkah Knowledge Co; dan Qhub International Sdn. Bhd. dan Eroman Technologies Sdn. Bhd.

"Mendengar taklimat ahli perniagaan Malaysia mence-

nai penglibatan meluas mereka dalam bandar futuristik Neom, projek mega terbaru Arab Saudi, dan pelbagai peluang pihak industri dari Malaysia di sana. Mengadakan pertemuan dengan OIC dan Liga Muslim Dunia di Mekah. Membincangkan isu yang melanda dunia Islam dan inisiatif membina jaringan, berdasarkan nilai serta kerjasama bersama," jelas Agus.

Semalam, PN mempersoalkan lawatan Perdana Menteri ke Arab Saudi kerana tiada satu laporan yang mengesahkan pertemuan antara Anwar dan Perdana Menteri negara itu, Putera Mahkota Mohammed Salman.

Ketua Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa Ahli-Ahli Parlimen PN, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal tu-

rut meminta Perdana Menteri menjelaskan kegagalan lawatan di Dewan Rakyat agar ahli-ahli parlimen dapat merungkai dan menghuraikan dengan lebih lanjut supaya hubungan rapat dua hala kedua-dua negara akan terus dipertahankan.

Mengulas lanjut, Mohammad Agus berkata, pembangkang boleh bertanya kepada Perdana Menteri ketika Sesi Soalan Perdana Menteri (PMQ) di Dewan Rakyat jika tidak berpuas hati dengan hasil dan kos lawatan itu.

"Setiap Selasa Perdana Menteri sedia menjawab. Jangan pula tidak datang masa itu. Dari situlah, baru rakyat tahu apa sebenarnya isu yang dikescoahkan oleh pembangkang ini," kata beliau.